

# UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) KE-8, 2019

---

## 1 PERATURAN AM

- 1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut undang-undang **Persekutuan Badminton Dunia (BWF)** yang dikuatkuasakan pada masa ini dan Peraturan Tetap dan Peraturan Am SIPMA.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Peraturan Tetap dan Peraturan Am SIPMA.
  - 1.3.2 Sebarang persoalan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang Peraturan Pertandingan Undang- Undang **Persekutuan Badminton Dunia (BWF)**.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah muktamad.

## 2 PENYERTAAN

- 2.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.
- 2.2 Pendaftaran hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola pada tarikh yang telah ditetapkan. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapkan dan disahkan oleh Setiausaha Agung Majlis Sukan Pasukan atau Ketua Kontinjen masing-masing.
- 2.3 Pertandingan berpasukan campuran (Lelaki & Perempuan).
- 2.4 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftar satu pasukan sahaja yang mengandungi maksima lima (5) pemain lelaki dan lima (5) pemain perempuan.
- 2.5 Susunan perlawanan dalam 'Tie' adalah seperti berikut:
  - 2.5.1 Perseorangan Lelaki
  - 2.5.2 Perseorangan Wanita
  - 2.5.3 Beregu Lelaki
  - 2.5.4 Beregu Wanita
  - 2.5.5 Beregu Campuran

- 2.6 Seorang pemain dibenarkan mengambil bahagian dalam satu acara perseorangan dan satu acara beregu sahaja.
- 2.7 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan berikut:
- 2.7.1 Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM)
  - 2.7.2 Majlis Sukan Institut Pendidikan Guru Malaysia (MSIPGM)
  - 2.7.3 Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia (MSMM)
  - 2.7.4 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
  - 2.7.5 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSPM)
  - 2.7.6 Majlis Sukan Kolej Komuniti Malaysia (MASKOM)
  - 2.7.7 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
  - 2.7.8 Majlis Sukan Kolej Vokasioanal Malaysia (MASKoV)
- 2.8 Pegawai dan pemain WAJIB membawa '**Kad Akreditasi**' sebagai pengeshan bagi setiap perlawanan sepanjang SIPMA berlangsung.

### **3 KELAYAKAN**

- 3.1 Rujuk Perkara 4 Peraturan Am SIPMA.

### **4 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 4.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 4.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan Kad Pengenalan atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau 1/11 yang asal untuk disahkan dan No. Kad Matrik (untuk yang berkenaan).
- 4.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.
- 4.4 Selepas taklimat pengurus pasukan, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

### **5 JADUAL PERTANDINGAN**

- 5.1 Jadual pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

### **6 FORMAT / SISTEM PERTANDINGAN**

- 6.1 **FORMAT**
- 6.1.1 Format Pertandingan bagi semua Permainan Berpasukan adalah seperti berikut :
    - 6.1.1.1 **Liga Satu (1) Kumpulan** – bagi penyertaan 7 pasukan atau kurang
    - 6.1.1.2 **Liga Dua (2) Kumpulan** – bagi penyertaan 8 pasukan

## 6.2 SISTEM

- 6.2.1 Sistem pertandingan dijalankan secara liga satu kumpulan / pusingan. Pasukan yang mendapat mata tertinggi akan diisytiharkan sebagai Johan diikuti dengan Naib Johan dan Ketiga.
- 6.2.2 Sistem pertandingan dijalankan secara liga dua kumpulan, dua pasukan mata tertinggi di setiap kumpulan akan layak ke pusingan 'Separuh Akhir' dan pusingan seterusnya.
- 6.2.3 Senarai Pendaftaran Pemain setaip pasukan bagi setiap perlawanan (Players Line Up form) hendaklah diserahkan kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit sebelum waktu permulaan perlawanan.

## 6.3 PEMBERIAN MATA DAN CARA MENENTUKAN KEDUDUKAN

- 6.3.1 Liga Satu Kumpulan.
- 6.3.2 Cara pemberian mata
  - 6.3.2.1 3 mata - bagi setiap pasukan yang menang
  - 6.3.2.2 1 mata - bagi setiap pasukan yang kalah
  - 6.3.2.3 0 mata - bagi setiap pasukan yang kalah kerana tidak bertanding atau pertandingan tidak tamat.
- 6.3.3 Sekiranya di akhir perlawanan dalam sesuatu kumpulan, kiraan mata diperolehi sama oleh lebih daripada satu pasukan maka keputusan akan ditentukan seperti berikut:
  - 6.3.3.1 Jika dua pasukan yang terlibat, pasukan yang telah mengalahkan lawannya diperingkat kumpulan akan dikira menang.
  - 6.3.3.2 Jika lebih dari dua (2) pasukan yang terlibat, pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan dari jumlah perlawanan (*matches*), set dan angka-angka mata yang telah diperolehi oleh pasukan-pasukan yang berkenaan.

## 6.4 PENANGGUHAN PERLAWANAN

- 6.4.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan dan dijadualkan tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 6.4.2 Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah jadual dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan sertamerta.

## 6.5 PAKAIAN PEMAIN

- 6.5.1 Sebarang jenis warna pakaian sukan dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat Pengiklanan mengikut Undang- Undang **Persekutuan Badminton Dunia (BWF)**.
- 6.5.2 Semua pemain hendaklah berpakaian seragam mengikut pasukan masing-masing.

## 6.6 PERALATAN

6.6.1 Jenis bulu tangkis yang digunakan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal SIPMA.

6.6.2 Bulu tangkis berjenama '**FELET 2002**' akan diguna pakai sebagai bulu tangkis rasmi kejohanan.

## 6.7 KELEWATAN

6.7.1 Pemain dikehendaki berada digelanggang setelah pengacara membuat pengumuman.

6.7.2 Sekiranya pemain tidak hadir di gelanggang dalam lima (5) minit, lawannya akan diberi kemenangan percuma.

## 6.8 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

6.8.1 Menarik diri adalah tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, maka pasukan atau peserta berkenaan akan dikira sebagai menarik diri dari keseluruhan pertandingan. Semua keputusan perlawanan yang dimainkan oleh pasukan atau peserta itu akan dibatalkan dan pasukan atau peserta

tersebut tidak dibenarkan untuk meneruskan sebarang permainan seterusnya.

## 7 JURI RAYUAN TERTINGGI

Rujuk Perkara 15 Peraturan Am SIPMA.

## 8 RAYUAN / BANTAHAN

Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SIPMA.

## 9 JAWATANKUASA DISIPLIN

Rujuk Perkara 17 Peraturan Am SIPMA.

## 10 HADIAH-HADIAH

Rujuk Perkara 18 Peraturan Am SIPMA.

## 11 KEWANGAN

Rujuk Perkara 19 Peraturan Am SIPMA.

## 12 PERKARA AM

Rujuk Perkara 20 Peraturan Am SIPMA.

**13**

**PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

13.1 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan yang berkenaan dan keputusan adalah muktamad.

15 Apr. 2019.